

# PENGARUH FAKTOR PERIBADI DAN KONTEKSTUAL TERHADAP AMALAN FESYEN MUSLIMAH BERKERJAYA DI BRUNEI DARUSSALAM

## *THE INFLUENCE OF PERSONAL AND CONTEXTUAL FACTORS ON FASHION PRACTICES AMONGST MUSLIM WORKING WOMEN IN BRUNEI DARUSSALAM*

Norhazerah Baha<sup>1</sup>  
Dr Asiyah Az-Zahra Ahmad Kumpoh<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Sultan Omar 'Ali Saifuddien Center for Islamic Studies, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Negara Brunei Darussalam, (E-mail: 18h8599@ubd.edu.bn)

<sup>2</sup> Sultan Omar 'Ali Saifuddien Center for Islamic Studies, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Negara Brunei Darussalam, (Email: asiyah.kumpoh@ubd.edu.bn)

### Article history

**Received date** : 26-12-2022  
**Revised date** : 27-12-2022  
**Accepted date** : 13-3-2023  
**Published date** : 30-3-2023

### To cite this document:

Baha, N., & Ahmad Kumpoh, A. A. (2023). Pengaruh Faktor Peribadi dan Kontekstual Terhadap Amalan Fesyen Muslimah Berkerjaya Di Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 104 - 116.

**Abstrak:** *Fesyen dan wanita adalah dua perkara yang tidak terpisah melalui masa dan juga tempat. Keduanya berhubungan dalam menghasilkan kecantikan secara zahir. Apabila konsep fesyen itu diaplikasikan pada individu, ia dilihat sebagai cerminan diri yang memberikan implikasi signifikan kepada yang memandang. Kajian ilmiah sering sahaja dilaksanakan terhadap fesyen dan wanita melalui konteks agama dan budaya. Pada kajian lepas juga telah ditemukan tentang faktor-faktor signifikan yang menyumbang kepada amalan berfesyen. Namun demikian, variasi faktor ini kurang diketengahkan dalam konteks Islam serta pengaruhnya terhadap amalan berfesyen khususnya di kalangan Muslimah. Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti faktor fesyen daripada sisi Muslimah yang berkerjaya dan pengaruhnya dalam berfesyen di negara ini. Kepentingan kajian ini ialah untuk meneliti sejauhmana praktikal Islam itu dimanifestasikan dalam amalan fesyen secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan reka bentuk biografi dengan pendekatan analisis data biografi, teks dan tematik. Dapatan faktor diteliti dengan analisis deduktif berdasarkan kepada literatur melalui pengumpulan data secara naratif. Dapatan kajian memperolehi lima faktor dorongan Muslimah berkerjaya kepada berfesyen iaitu keinginan, bentuk badan, tempat kerja, trend dan institusi kerajaan yang memberikan aneka pengaruh dalam amalan fesyen. Turut ditemukan, faktor fesyen mengkompromi praktikal Islam yang selayaknya sebagai seorang Muslimah.*

**Kata Kunci:** *Faktor fesyen, Muslimah berkerjaya, Brunei Darussalam*

**Abstract:** *Fashion and women are two inseparable terms through time and place. The two are interrelated in manifesting beauty externally. When fashion is applied to an individual, it is seen as a self-reflection that marks significant implications for the viewer. Various studies have been conducted concerning fashion and women in religious and cultural contexts, and they identified significant factors influencing fashion practices. However, the factor variations are less highlighted in the Islamic context and its influence on fashion. Therefore, this study aims to identify factors influencing the modes of fashion among Muslim working women. The importance of this study is to examine the extent of manifestation of practising Muslim fashion holistically. This study used biography for research design, supported by biographical, textual and thematic data analysis approaches. The factors were identified through deductive analysis based on the in-depth interviews with 15 respondents. This study identifies five main factors that drive Muslim working women in fashion: their desire, body shape, workplace, trends, and government institution. This study also found that such factors could affect and compromise the actual Islamic dress code and how Muslimah should practice it.*

**Keywords:** *Fashion factor, Muslim working woman, Brunei Darussalam*

## **Pengenalan**

Fesyen ialah suatu terma atau perkara yang sering berkait dengan cara individu menggayakan diri dalam berpakaian. Tidak hanya terhad kepada golongan sasaran seperti pemuda-pemudi sepertimana lazimnya bahkan turut meluas kepada pelbagai lapisan masyarakat. Pada umumnya, fesyen dan wanita dikenali dengan perkara yang beriringan kerana memang diakui bahawa berhias itu adalah fitrah yang dihidiahkan kepada manusia sebagaimana dalam agama Islam. Dalam konteks berfesyen ini, Mohammad (2018, 7) telah mengemukakan bahawa wanita-wanita berpendidikan tinggi, pekerjaan yang stabil dan profesional adalah di antara sasaran bagi pemasaran seperti dalam industri fesyen. Ini menandakan bahawa fesyen itu dikukuhkan oleh wanita dengan sokongan kriteria yang dinyatakan. Juga ditemukan oleh Mohiddin dan Serbini (2019, 145) bahawa masih sahaja terdapat golongan Muslimah yang mengamalkan fesyen yang kurang sejajar dengan kewajipan menutup 'aurat. Ini mendorong kajian ini untuk dilaksanakan bagi melihat faktor dengan pengaruhnya terhadap amalan fesyen daripada sudut Muslimah berkerjaya.

Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai objektif utama iaitu menelusuri pengaruh faktor terhadap fesyen yang menjadi amalan sama ada sejajar dengan dengan prinsip Islam ataupun sebaliknya. Untuk mencapai objektif ini, maka kajian akan mengenalpasti dorongan kepada berfesyen di kalangan Muslimah berkerjaya.

## **Metodologi Kajian**

Aplikasi metodologi ke dalam kajian ialah untuk membantu dalam mencapai matlamat kajian. Menurut Kothari (2004, 8), metodologi kajian ialah suatu jalan yang membawa kepada penyelesaian masalah secara bersistem dengan penelitian dalam menelusuri permasalahan kajian. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti faktor dorongan Muslimah berkerjaya kepada berfesyen dan bagi menghasilkan kajian ini terdapat reka bentuk kajian spesifik yang telah dipilih mengikut aplikasi metodologi. Kothari (2004, 14) mengutarakan bahawa dalam mereka bentuk kajian, matlamat kajian yang jelas adalah perlu sama ada untuk tinjauan, deskripsi, diagnosis dan juga eksperimentasi.

Pada mengaitkan deskripsi ini, maka pemilihan reka bentuk kajian ini adalah biografi sebagaimana menurut Idris (2010, 293) ia merupakan kajian ke atas individu dan pengalaman yang dilaluinya sama ada diceritakan melalui individu berkenaan atau melalui koleksi dokumennya. Kesesuaian reka bentuk ini ialah untuk menganalisis data melalui perkongsian responden tentang faktor pengamalan fesyen yang dikumpulkan secara naratif. Dalam membincangkan analisis, kajian menggunakan usulan Rosenthal (2004, 54) yang terkandung di dalamnya beberapa proses iaitu (i) analisis data biografi, yakni data yang diperolehi melalui responden kajian (ii) analisis teks dan tematik dari segi *self-presentation* dan penceritaan tentang kehidupan responden, (iii) pembinaan semula tentang sejarah kehidupan, yakni ekspresi pengalaman, (iv) analisis secara mikro segmen teks daripada responden dan (v) perbandingan kehidupan di antara yang lalu dan kini.

Metodologi di atas menjadi teras untuk mencapai matlamat kajian dengan lebih efektif. Proses analisis dilaksanakan semasa dan selepas pengumpulan data melalui temu bual bersama responden yang dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan sedemikian dipilih atas dasar perkongsian data yang merangkumi pengetahuan responden (Idris 2010, 122) serta menetapkan maklumat tertentu yang diminati dan harus ada pada responden (Hin 2007, 121). Merungkai pada persampelan ini, kriteria responden ialah (i) Muslimah, (ii) berwarganegara Brunei, kerana konteks kajian berfokuskan pada negara ini, (iii) berkerjaya, yang mana Mohammad (2018, 3) menyatakan wanita bekerja itu mengamalkan fesyen pada lazimnya (iv) lingkungan umur 18 hingga 59 tahun iaitu lingkungan umur ini adalah jangka umur perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam. Sebanyak 15 responden dikemukakan dalam artikel ini dengan menggunakan kaedah pseudonym iaitu menggunakan nama samaran pada tiap responden.

Bagi mendapatkan keluasan data, kaedah temu bual separa struktur telah diaplikasikan yang mana boleh berlaku perubahan dalam urutan, bentuk dan cara soalan diajukan semasa temu bual dijalankan (Hin 2007, 211). Tambahan lagi, metod ini boleh menghasilkan perbualan yang lebih meluas dan spontan di antara responden dan pengkaji (Watson 1997, 32). Sesi temu bual dilaksanakan dengan bersifat naratif di mana responden bebas untuk mengongsikan maklumat yang ada pada dirinya untuk menghasilkan dapatan kajian ini.

Setelah selesai pengumpulan data, proses transkripsi dilakukan bagi memudahkan proses menganalisis yang lebih mendalam selain melakukan analisis kecil semasa temu bual. Transkripsi dilakukan secara manual dan mempunyai manfaat di mana ia membantu dalam mendapatkan ketepatan perbualan yang sudah direkod (Watson 1997, 46). Data yang berasaskan teks termasuk transkrip temu bual diuruskan dengan sistematik mengikut komponen tertentu iaitu komponen pengumpulan, penguncupan, pengolahan dan kesimpulan (Idris 2010, 492). Berbicara mengenai komponen, ia membawa kepada pengurusan data kepada pertemaan yang menjurus kepada naratif di mana Earthy dan Cronin (2008, t.h) mengusulkan pendekatan tematik dalam merungkai data yang melibatkan perbandingan daripada sampel-sampel.

Adaptasi metodologi di atas dilihat sesuai untuk kajian ini di mana pelaksanaan ujian rintis telah menghasilkan dapatan yang menjawab kepada persoalan kajian.

## Dapatan Kajian

Sebanyak lima faktor peribadi dan kontekstual yang signifikan dan pengaruhnya telah dikenalpasti terhadap amalan fesyen Muslimah berkerjaya di negara ini. Perbincangannya adalah seperti berikut:

### Keinginan

Telah dikemukakan melalui tinjauan literatur bahawa keinginan ialah salah satu faktor peribadi yang mendorong kepada berfesyen. Faktor ini juga didapati dalam konteks fesyen Muslimah berkerjaya di negara ini. Aina yang memegang jawatan sebagai Kerani mengemukakan:

“sejak kebelakangan ini, saya sering ditegur kerana pakaian saya nampak ketat. Kalau bagi saya, [cara berpakaian] ikut selera diri sendiri. Ikut lah kemahuan sendiri bagaimana hendak berfesyen, bagaimana dengan perubahan sendiri”

Merungkai kenyataan Aina, fesyen yang diamalkan itu adalah mengikut keinginan sendiri yang diiringi dengan “selera”. Aina juga mengutarakan bahawa fesyen yang dikenakan mendapat teguran walau tidak dinyatakan dari pihak lainnya. Ini menunjukkan bahawa fesyen yang diamalkan oleh Aina didasari oleh keinginan sendiri dan bukan mengambil kira pandangan luar. Ini selari dengan dapatan Hass dan Lutek (2019, 7) yang mengatakan bahawa *fashionable* adalah dari keinginan individu. Manakala Maria, bertugas sebagai Pembantu Penyelidik menyatakan:

“jika di luar waktu kerja, saya boleh jadi apa yang saya mahukan. Bukan hendak jadi Lady Gaga, tetapi bergantung kepada *mood*. Kadang saya masih memakai seluar yang ketat mengikut bentuk kaki, kadang pakai seluar labuh”

Maria menyatakan bahawa fesyen di luar waktu bekerja itu memberi kebebasan untuk berfesyen seperti yang diinginkan. Ini jelas faktor peribadi seperti faktor keinginan itu mendorong kepada fesyen tertentu. Juga dalam faktor ini, responden lain dengan nama samaran Anita mengutarakan:

“jika di luar saya boleh menjadi diri saya sendiri. Saya akan mengatakan dengan sejujurnya (ketawa) pada kadangnya saya tidak memakai tudung. Saya rasa itu bergantung kepada mood saya”

Anita bertugas sebagai Pembantu Pemasaran, mengutarakan tentang pengamalan bertudung secara berkala. Apabila diteliti, dasar keinginan responden itu dinyatakan pada “boleh menjadi diri saya sendiri” yang seiring dengan maksud kebebasan yang merangkumi aspek fesyen sepertimana responden Maria. Dalam meneliti faktor fesyen bagi ketiga responden, ia memberikan pengaruh fesyen yang diinginkan tanpa ada sekatan. Fesyen yang berfaktorkan keinginan ini juga dikongsi oleh Rosnah yang bertugas sebagai Pegawai Pelajaran:

“berkenaan dengan tudung, saya akan pastikan tudung saya menutupi dada kerana saya tidak mahu ianya terdedah yang membuatkan saya tidak selesa. Tidak kira apapun, kepentingan saya adalah untuk menutup. Ini juga memberikan saya kepuasan apabila melihat rakaman video bahawa bahagian dada saya tertutup walau diambil dari pelbagai sudut”

Rosnah yang juga bekerja sambil sebagai Pengacara TV mengongsikan bahawa tudung yang menutupi dada itu merupakan suatu kepentingan dalam berfesyen. Menurut responden ini, kriteria fesyen tudung yang menutupi dada itu kerana tidak mahu dalam keadaan yang terdedah walau dalam apa pun situasi. Penyataan “tidak mahu” itu boleh dilihat dari dasar kemahuan dan bersesuaian dengan maksud faktor ini. Fesyen tudung sebegini turut dikongsikan oleh Farah yang juga bertugas sebagai Pegawai Pelajaran:

“saya pakai fesyen tudung yang ringkas menutup. Saya tidak suka yang lilit-lilit. Saya lebih cenderung kepada tudung panjang dan tidak boleh bersaiz kecil. Saya tidak suka pakaian yang menampakkan bentuk badan saya untuk keselesaan saya”

Keterangan temu bual di atas memperlihatkan bahawa amalan fesyen tudung berdasarkan kepada kecenderungan yang boleh ditafsirkan sebagai keinginan peribadi. Tambahan lagi, responden ini turut menyatakan “tidak suka” dengan fesyen tudung tertentu yang mengukuhkan lagi faktor keinginan. Bagi kedua responden ini, faktor keinginan menyumbang kepada fesyen tudung yang melepasi dada. Selain itu, keinginan ini juga menjadi faktor kepada responden bernama Rina dalam kenyataannya:

“kebanyakannya saya pakai *T-shirt* lengan panjang yang menutup bahagian belakang. Saya tidak selesa apabila baju yang *fit* ke badan, jadi saya pilih yang longgar. Jika terlampau ke badan, nampak bentuk, saya tidak suka lah”

Rina menyatakan dalam temu bual bahawa fesyen yang menampakkan bentuk badan itu tidak disukai. Merungkai kenyataan ini, ia seiring dengan maksud keinginan di mana Rina menekankan sifat yang longgar dalam pengamalan fesyen.

Daripada pada faktor ini, terdapat variasi dinukilkan oleh para responden sebagai pendorong kepada berfesyen yang masih selari dengan maksud faktor keinginan itu sendiri. Kajian empirikal ini juga didukung daripada tinjauan kajian lepas dan juga menyumbang kepada perbincangan baharu dalam faktor berfesyen.

### **Bentuk/Potongan Badan**

Penelitian faktor melalui perkongsian responden kajian, mendapati bahawa pengamalan fesyen juga didasari oleh bentuk/potongan badan. Faktor peribadi ini telah diperolehi melalui literatur sebagaimana Cox, Sabiston et.al (2020, 1034) berpendapat bahawa kepekaan pada anggota badan mampu memberi kesan kepada jenis pakaian yang hendak dikenakan. Faktor ini dikemukakan oleh Fatin, seorang pekerja di bahagian perkhidmatan pelanggan menyatakan bahawa:

“saya selalu elakkan baju yang menampakkan bentuk badan saya yang besar. Saya cenderung memilih baju yang menampakkan saya berpotongan lurus. Jika berlari, saya mengenakan *tights*, jika pakai tudung saya memakai seluar jeans yang berpotongan mengikut bentuk kaki”

Merujuk kepada kenyataan Fatin di atas, bentuk badan menjadi faktor di mana sifat besar pada bahagian badan tertentu membawa kepada fesyen berbentuk lurus. Ini mendorong kepada fesyen yang mengikut bentuk badan seperti fesyen seluar yang dinyatakan dalam petikan. Manakala Ernie, seorang tenaga pengajar menyatakan:

“saya berbadan kecil, tidak sesuai memakai pakaian yang bersaiz besar. Tidak seperti orang lain yang boleh memakai saiz besar dengan badan yang kecil. Saya pakai potongan lurus tapi tidak terlalu ketat”

Perkongsian Ernie ini menyifatkan badan bersaiz kecil itu menjadi keutamaan dalam fesyen. Faktor badan menyumbang kepada fesyen yang berpotongan lurus yang tidak terlalu ketat. Fesyen ini merujuk kepada fesyen yang menutup bentuk/potongan anggota ‘aurat dengan kenyataan “tidak terlalu ketat” Responden lain pula iaitu Majidah menyatakan:

“saya lebih suka shawl (selendang) daripada tudung empat segi, sebab susah bagi saya untuk menutup bentuk badan saya sekiranya saya memakai tudung empat segi. Jadi saya lebih suka menggunakan shawl”

Dalam perkongsian ini, fesyen tudung bagi Majidah adalah perlu untuk menutup anggota kerana bentuk badan boleh kelihatan jika mengamalkan fesyen tudung yang berlainan. Meneliti perkara ini, responden mengutamakan fungsi fesyen yang bukan sekadar menutup rambut atau kepala tetapi juga untuk menutup bentuk anggota seperti yang diusulkan dalam petikan di atas. Perbincangan faktor bentuk/potongan badan di atas mendapat berbeza persepsi di kalangan responden kajian. Pemilihan fesyen berdasarkan kesesuaian saiz badan serta fesyen yang perlu menutup anggota tertentu. Perkongsian responden di atas memberikan dapatan yang signifikan di mana kepekaan pada fizikal itu boleh menyumbang kepada pemilihan fesyen sama ada mengikut saiz badan ataupun sebaliknya.

### **Tempat Kerja**

Tempat kerja merupakan dapatan baharu yang diperolehi dalam konteks Muslimah berkerjaya di negara ini khusus dalam amalan fesyen. Konsep lazim yang dikaji berkenaan tempat kerja adalah budaya organisasi, iklim organisasi dan kemahiran dalam pengurusan (Cheung & Tsui 2017, 51). Dalam pada itu, Carnavale dan Gainer et. Al (1988, 7) mendapati bahawa tempat kerja mampu memberi pengaruh kepada pekerja dalam pelbagai kemahiran yang merangkumi pembacaan, penulisan, pendengaran dan *problem-solving* sebagai kemahiran asas. Pengaruh yang bersifat kontekstual ini juga didapati menyumbang kepada pengamalan fesyen Muslimah berkerjaya dalam konteks Brunei. Responden bernama Kartini mengongsikan tentang fesyen tudung sebagaimana dalam petikan:

“fesyen tudung saya biasa-biasa sahaja seperti ustazah-ustazah. Sebab jika terlalu bergaya, saya takut pelajar-pelajar saya akan mempunyai pandangan yang lain”

Dalam kenyataan di atas, Kartini yang bertugas sebagai guru ini menyandarkan situasi tempat kerja yang berhadapan dengan pelajar-pelajar sebagai asas faktor dalam fesyen tudung. Menyentuh tentang pelajar-pelajar, responden memberi alasan sebagai sebab kepada fesyen tudung yang disifatkan seperti “ustazah-ustazah”. Ini boleh difahami melalui petikan bahawa fesyen tudung itu difungsikan untuk tidak mendapatkan perhatian pelajar semasa bertugas. Tempat kerja ini juga memberi pengaruh kepada fesyen responden bernama Diana, memegang jawatan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas yang bertugas dalam penyelarasan menyatakan:

“fesyen saya di luar memang berbeza dengan waktu bekerja. Jika waktu bekerja selalu yang selesa, yang longgar sedikit walaupun tidak begitu longgar. Longgar sedikit sekurangnya. Sudah setentunya ini disebabkan pejabat saya bertanggungjawab terhadap penyelarasan aktiviti tertentu. Jika di luar saya

menggunakan blouse dan *skinny* jeans yang mengikut bentuk kaki, dan ada kalanya saya menggunakan skirt”

Berdasarkan perkongsian beliau di atas, Diana mengusulkan perbezaan fesyen di dalam dan luar waktu pejabat. Amalan fesyen semasa waktu bekerja didasari oleh tugas yang dilaksanakan seperti dalam petikan yang sekali gus menjadi faktor fesyen yang disifatkan dengan “longgar sedikit”. Juga dalam amalan yang sama, Asmah merupakan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat 2 mengusulkan bahawa fesyen tudung yang diamalkan adalah menutup dada kerana jika sebaliknya boleh mengundang malu kepada pejabat. Perkongsian tentang fesyen ini boleh dilihat dengan penjagaan imej tempat kerja kerana fesyen semasa bekerja boleh mempengaruhi imej pejabat itu sendiri. Bagi faktor tempat kerja, responden dengan nama samaran Maria menyatakan bahawa:

“saya rasa dalam waktu bekerja, saya mahu nampak professional seperti saya dalam mod kerja. Saya mengenakan Baju Kurung waktu bekerja dan ianya nampak formal. Baju Kurung saya berpotongan lurus dan tidak terlalu ketat. Juga pada kadangnya saya mengenakan pakaian korporat. Begitu juga dengan baju korporat saya, tidak ketat. Yang penting saya selesa”

Responden ini mengangkat faktor keinginan yang mempengaruhi fesyen beliau di luar waktu bekerja. Kajian ini juga mendapati bahawa tempat kerja adalah faktor yang mempengaruhi fesyen Maria kerana beliau juga ingin tampil profesional dengan pengamalan Baju Kurung yang berpotongan lurus dan tidak terlalu ketat. Ini juga serupa dengan Anita yang menyandarkan tempat kerja sebagai faktor yang mempengaruhi fesyen beliau selain daripada faktor keinginan:

“Seperti biasa, saya menggunakan Baju Kurung untuk bekerja dan bertudung. Yang penting menutup rambut. Sebab kerja adalah tempat yang professional dan juga ingin menunjukkan diri sebagai seorang yang professional”

Pada menelusuri responden Anita, tempat kerja menjadi tempat profesional yang menyumbang kepada fesyen profesional dengan Baju Kurung. Merujuk kepada faktor di luar waktu bekerja, Anita bebas dalam pemilihan berfesyen seperti amalan tudung berkala. Ini menunjukkan bahawa kedua responden (Maria dan Anita) mengenakan fesyen mengikut konteks yakni kesesuaian waktu dan tempat. Fesyen yang diadaptasi pada waktu dan tempat oleh kedua responden ini boleh mempengaruhi konsep penutupan ‘aurat.

Telah dibincangkan bagaimana faktor tempat kerja yang bersifat kontekstual mempengaruhi amalan berfesyen khusus untuk waktu bekerja. Terdapat responden yang menjadikan fesyen sebagai manifestasi konsep tempat kerja dan ini selari dengan Colbert (2015, 14) yang mengemukakan bahawa polisi/kod pakaian boleh merefleksikan nilai sesebuah organisasi. Dalam pada itu, tempat kerja juga menyumbang kepada aspek fesyen yang lebih praktikal dalam melaksanakan tugas-tugas fizikal. Cox, Sabiston et.al (2020, 1032) juga mengusulkan bahawa pakaian berkemungkinan mempengaruhi pergerakan individu dan kajian ini memberikan dapatan empirikal bahawa pergerakan fizikal itu mendorong kepada fesyen yang mudah dan sesuai mengikut keperluan tempat kerja bagi responden kajian ini.

## Trend

*Trend* yang berasal daripada perkataan Inggeris pada menurut Kamus Oxford (2006, 749) bermaksud “*a general direction in which something is developing or changing*” dan Kamus Dewan (2016, 3713) pula menyatakan *trend* ialah perkembangan ataupun aliran yang menjadi ikutan atau amalan. Manakala *trend* fesyen ialah perkara yang diterima dan kemudian diamalkan oleh masyarakat pada satu jangka masa (Sarpong et.al 2011, 98). Trend juga boleh merangkumi idea, produk, mesej atau tingkah laku yang boleh diertikan dengan epidemik dan tersebar seperti virus (Mendes et.al 2016, 2714). Melihat kepada maksud trend ini, maka ia difahami sebagai suatu perkara atau amalan yang sedang meningkat dan tersebar di kalangan individu dalam suatu masa yang tertentu.

Membincangkan tentang *trend* ini, kajian Gazzalo, Pavione et.al (2020) menemukan bahawa *trend* fesyen yang muncul melalui pelbagai media mampu menghasilkan peningkatan pembelian dalam industri fesyen. Berdasarkan data yang diperolehi, faktor trend ini dikemukakan oleh responden kajian yang merujuk kepada pengamalan fesyen kerana trend. Laila, menyatakan perkara ini dalam temu bual beliau:

“pada masa sekarang, ramai yang memakai tudung jenama tertentu. Saya juga mahu memiliki dan memakai tudung jenama sedemikian. Saya memakainya ketika menghadiri majlis-majlis”

Pada perkongsian Laila, fesyen tudung daripada jenama tertentu merupakan sebab ingin memiliki tudung sedemikian. Maksud *trend* dalam kenyataan di atas boleh dirujuk dalam petikan “sekarang orang banyak memakai” yang mana waktu dan orang itu menyumbang kepada peningkatan sesuatu perkara iaitu dalam fesyen. Perkara ini juga dinyatakan oleh Bazilah:

“saya tidak pasti jika jubah adalah trend pada ketika ini. Tapi saya boleh lihat ramai yang sedang memakainya ketika ini berbanding dengan Baju Kurung khususnya dalam paparan sosial media atau semasa majlis keramaian. Ini membuatkan saya juga mahu memakai jubah walaupun jubah-jubah saya tidak semewah atau baharu seperti orang lain”

Bazilah merupakan seorang petugas pakaian seragam yang juga penjawat mekanik kapal laut menyatakan bahawa jubah yang kerap kelihatan pemakaiannya sama ada di media sosial atau semasa majlis keramaian yang juga turut menjadi faktor. Dalam hal ini, walaupun responden menyatakan ketidakpastian sama ada fesyen berkenaan adalah *trend* ataupun sebaliknya, namun rujukan responden pada kenyataan “ramai yang sedang memakainya ketika ini” merangkumi maksud *trend* yang merujuk kepada aspek penampilan dan konstruksi daripada produk fesyen yang selari dengan musim dan dimunculkan pada waktu tertentu (Zakaria et.al 2020, 249) Ini memberi tanda di mana *trend* mengikut responden ialah pendorong kepada fesyen yang diamalkan. Yanti bukan nama sebenar menyatakan, “selalu jika di luar pakai *jeans* dan *blouse*, ikut trend semasa”. Pada kenyataan ini jelas dilihat bahawa responden mengikut fesyen semasa yakni dalam *trend*.

Perbincangan di atas telah menemukan *trend* sebagai faktor kontekstual dan dorongan kepada fesyen dalam konteks Muslimah berkerjaya di negara ini. Variasi fesyen yang dikemukakan oleh responden kajian melalui faktor ini di mana konteks sekeliling merangkumi amalan yang sedang meningkat oleh sejumlah individu itu juga menyumbang kepada pengamalan fesyen.



## Kerajaan

Merujuk pada faktor kerajaan, adalah difahami bahawa berkaitan dengan perihal negara yang terkandung di dalamnya sistem, undang-undang etika mahupun panduan dalam pembangunan serta pembentukan negara. Kerajaan juga dirujuk dengan *government* dalam bahasa Inggeris yang mana menurut Kamus Oxford (2006, 299) di antara maksud *government* ialah sistem mengurus tadbir sesebuah negara, organisasi ataupun masyarakat. Htet (2022, 51) menemukan bahawa kerajaan merupakan pendorong yang efektif untuk komuniti melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti. Ini sekaligus menunjukkan bahawa kerajaan merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi masyarakat. Kerajaan yang merupakan faktor kontekstual ini juga didapati di kalangan responden kajian dan salah seorang daripada mereka ialah Aliyah:

“di mana-mana pun orang jawatan awam yang berada di bawah SPA (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) memang ada etika pakaian. Bererti mesti menutup ‘aurat. Jadi walaupun saya guru sukan, juga mesti menutup ‘aurat. Maksud di sini, tidak dibenarkan memakai *leggings*, mesti seluar sukan yang longgar, baju yang longgar, bertudung. Bekerja dengan kerajaan memang menutup ‘aurat pentingnya. Guru di sekolah memang selalu diberikan Surat Pemberitahuan, memo tentang etika pakaian, bagaimana peraturannya dan aktanya. Jika di luar, saya suka berfesyen seperti berdandan rambut, pakai tudung atau *shawl* dan fesyen lainnya memang saya cuba”

Aliyah menyatakan bahawa fesyen yang diamalkan dalam waktu kerja adalah yang menutup ‘aurat. Fesyen ini berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan iaitu daripada kerajaan seperti yang dinyatakan dalam petikan. Fesyen di dalam dan di luar waktu kerja bagi responden ini juga signifikan yang mana boleh dilihat perbezaan ketara dalam pengamalannya seperti pemakaian tudung. Ini bererti bahawa peraturan melalui kerajaan adalah faktor utama fesyen semasa bertugas. Faktor ini juga dikemukakan oleh Suraya, seorang petugas pakaian seragam:

“tudung dimasukkan ke dalam baju. Kenapa? Ia adalah sebahagian dari keseragaman (*uniformity*). Begitu juga dengan pakaian, mesti seragam. Mesti sama rata untuk menunjukkan keseragaman. Jika ada yang berlainan, akan diarahkan untuk diubahsuai. Dari tudung hingga kasut memang ada sukatnya agar nampak sama dengan yang lain. Ini yang dipanggil keseragaman”

Suraya bertugas sebagai Pentadbir Kanan Bahagian Logistik menyatakan bahawa fesyen tudung termasuk baju serta seluar dipakai dengan penampilan tertentu atas arahan yang digariskan menurut responden di atas. Arahan yang dikemukakan ialah untuk keseragaman yang perlu dipatuhi oleh para petugas. Dalam perkara ini, boleh dilihat bagaimana etika pakaian itu didasarkan kepada pihak atasan iaitu pihak kerajaan. Faktor ini juga dikemukakan oleh Bazilah:

“jika waktu bekerja, saya mempunyai dua jenis pakaian: pakaian sukan dan pakaian seragam. Fesyen saya di luar waktu bekerja memang berbeza dengan fesyen waktu bekerja. Jika bekerja, terdapat etika pakaian yang perlu dipatuhi seperti berpakaian seragam yang mesti kemas dan tudung pula dimasukkan ke dalam baju. Tetapi jika di luar, saya pentingkan tudung menutup dada. Baju sukan kerja pula memang yang bersaiz besar. Di luar, saya gemar memakai fesyen yang memudahkan dan ekspres seperti jubah. Memang bukan yang *fit* ke badan”

Bazilah menyatakan bahawa fesyen waktu bekerja beliau berdasarkan kepada ketetapan seragam kerja. Kriteria tertentu seragam kerja disifatkan sebagai kemas dan tudung yang dimasukkan ke dalam baju. Namun ini berbeza dengan amalan fesyen di luar iaitu tudung yang menutupi dada serta pakaian yang memudahkan dan bersaiz labuh bagi responden ini. Tuntutan kerajaan dalam etika pakaian juga diutarakan oleh Mimi dalam kenyataan beliau, “waktu bekerja memang pakai tudung sebab mengikut peraturan”. Responden ini mengusulkan dengan ringkas bahawa bertudung itu adalah berdasarkan kepada peraturan dan di luar waktu kerja pula Mimi menyatakan “di luar tidak bertudung tetapi jika masuk premis kerajaan, memang saya pakai tudung”. Ini boleh dilihat bagaimana tuntutan kerajaan itu menyebabkan tiada pilihan lain dalam berfesyen.

Responden-responden kajian ini telah mengongsi bagaimana faktor kerajaan menjadi keutamaan atau pengaruh signifikan. Dapatan tentang kerajaan ini dituntut pelaksanaannya kepada petugas dan sekaligus dipatuhi atas nama undang-undang termasuk etika pakaian agar selari dengan manifestasi kerajaan.

### **Perbincangan**

Telahpun dikemukakan faktor-faktor yang mendorong Muslimah berkerjaya dalam mengamalkan fesyen tertentu. Pada menelusuri faktor-faktor ini, boleh diperhatikan bahawa terdapat faktor yang berbeza semasa waktu bekerja dan sebaliknya. Ini menandakan bahawa terdapatnya suatu aturan yang perlu diadaptasi mengikut kesesuaian masa dan tempat. Perbezaan faktor ini memberikan hasil signifikan untuk diketengahkan bagi mendapatkan tinjauan konteks amalan fesyen Muslimah berkerjaya di negara ini.

Jika dilihat kembali kepada beberapa responden yang mendasari fesyen kepada dua faktor iaitu keinginan dan tempat kerja, terdapat perbezaan fesyen melalui kedua faktor berkenaan. Perbezaan yang dikemukakan mempengaruhi fesyen di mana tempat kerja dilihat sebagai faktor fesyen yang selari dengan syari’at Islam dan di luar pula adalah sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa kewajipan menutup ‘aurat itu hanya dipentingkan semasa bekerja dan tidak diaplikasikan di luar waktu kerja. Namun demikian, terdapat juga responden masih mengamalkan fesyen yang menutup ‘aurat walau berbeza tempat dan waktu.

Bagi faktor keinginan pula, terdapat responden yang mengikut cita rasa sendiri dalam berfesyen tanpa menghiraukan sama ada fesyen itu bersifat Muslimah ataupun bertentangan. Ini merupakan tanda kurangnya aspek menitikberatkan tentang syari’at Islam dalam pakaian. Terdapat beberapa responden yang menitikberatkan tentang kriteria fesyen yang sejajar dengan praktikal Islam melalui faktor keinginan dengan menolak fesyen yang menonjolkan bentuk badan. Ini adalah suatu amalan positif kerana ianya sejajar dengan pengertian menutup ‘aurat dari segi bentuk/potongan badan. Selain itu, terdapat fesyen yang berfungsi menjaga imej tempat kerja yang memberikan sudut positif dalam Islam di mana amalan fesyen adalah selari dengan prinsip Islam.

Turut dikemukakan dalam dapatan, faktor signifikan iaitu bentuk/potongan badan yang dimiliki oleh individu. Faktor peribadi ini membawa kepada dua hala dalam fesyen yang mana terdapatnya responden memilih fesyen mengikut bentuk badan dan yang menutupi bentuk kerana saiz badan. Perbezaan fesyen ini membawa sudut yang negatif dan positif dalam kewajipan menutup ‘aurat di mana bentuk badan itu sepatutnya ditutup dengan tidak mengira saiz badan. Ini boleh dilihat daripada persepsi Muslimah yang menilai fesyen dalam menutup ‘aurat itu hanya dengan menutupi warna/kulit ‘aurat dan bukan pada bentuknya.

Seterusnya, kajian ini turut menemukan *trend* sebagai faktor kontekstual dalam berfesyen bagi Muslimah berkerjaya. Faktor ini ditemukan dalam amalan fesyen di luar waktu bekerja di mana responden merujuk kepada mengikuti amalan yang sedang meningkat pada waktu tertentu yang juga selari dengan maksud *trend*. Terdapat responden kajian yang mendasari *trend* sebagai pendorong kepada fesyen “berlabuh” seperti yang diwajibkan dalam Islam. Juga didapati, *trend* juga mempengaruhi amalan fesyen responden kajian ini yang membawa impak negatif terhadap fesyen yang selari dengan Islam. Namun demikian, anasir *trend* sepatutnya tidak memberikan kompromi dalam mensejajarkan fesyen dengan syari’at Islam dan ini menandakan bahawa praktikal Islam itu belum dihayati dengan sebaiknya.

Melihat kepada faktor kontekstual iaitu faktor kerajaan, ia adalah suatu ketetapan atau peraturan yang harus dipatuhi. Dapatan menunjukkan variasi responden menyatakan bahawa kerajaan menjadi faktor signifikan dalam fesyen semasa atau di luar waktu bekerja. Terdapat responden yang mengamalkan fesyen sebagaimana yang digarispandukan oleh kerajaan yang dirujuk dengan menutup ‘aurat. Dalam pada itu, terdapat beberapa responden sebagai petugas yang beruniform kurang menepati prinsip Islam namun adalah bagi keseragaman (*uniformity*) petugas-petugas. Kerajaan juga dilihat sebagai faktor kepada pemakaian tudung di kalangan responden dan ini merupakan sudut positif dalam Islam. Namun begitu, bertudung hanya diamalkan dengan kaitan kerajaan dan ini membawa erti tidak konsisten dalam penutupan ‘aurat sebagai Muslimah.

Faktor kerajaan dan tempat kerja yang didapati melalui kajian ini perlu diketengahkan. Kedua faktor ini berdasarkan kepada data melalui temu bual bersama responden yang memberikan implikasi signifikan. Kerajaan dalam data kajian ini dirujuk sebagai institusi yang menetapkan undang-undang atau garis panduan pakaian seperti etika pakaian yang harus dipatuhi manakala tempat kerja pula disifatkan sebagai konteks profesional untuk pelaksanaan tugas serta jawatan dan budaya organisasi. Ini selaras dengan kajian Cheung dan Tsui (2017, 50) yang menyatakan bahawa konsep tempat kerja yang selalu dikaji itu melingkungi budaya organisasi, iklim organisasi dan kemahiran pengurusan.

Dalam membincangkan faktor ini, boleh difahami bagaimana individu memberikan reaksi terhadap faktor sama ada yang berpunca daripada keinginan sendiri ataupun daripada faktor kontekstual. Selain itu, faktor-faktor yang dikemukakan memberikan pengaruh signifikan terhadap fesyen Muslimah berkerjaya iaitu yang selari dengan prinsip Islam ataupun sebaliknya.

### **Kesimpulan**

Kajian ini mendapati bahawa fesyen itu adalah suatu yang signifikan dalam penampilan diri. Ia bukan sahaja sebagai gambaran imej individu tetapi juga sebagai tanggapan pertama bagi yang memandang dan ini menyumbang kepada keperluan untuk menjaga penampilan dan salah satunya ialah melalui fesyen.

Hasil dapatan kajian menemukan bahawa variasi faktor peribadi dan kontekstual telah menyumbang kepada pengamalan fesyen khususnya Muslimah berkerjaya. Fesyen yang diamalkan itu bukan sahaja berdasarkan pemilihan individu tetapi juga mengambil kira faktor kontekstual. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa keinginan, bentuk/potongan badan, tempat kerja, trend dan kerajaan merupakan faktor signifikan yang ditemui melalui responden. Namun demikian, penampilan fesyen yang berpunca daripada pelbagai faktor lain diseimbangi dengan keperluan masa dan juga tempat serta peredaran keduanya. Faktor-faktor signifikan ini adalah

suatu indikasi di mana fesyen itu tidak statik dan sentiasa berkembang serta mendorong individu dalam mengamalkan fesyen. Bagi memperolehi maklumat terperinci berkaitan fesyen atau faktor, kajian lanjut boleh dilaksanakan untuk meninjau kesan faktor dalam pengamalan fesyen di kalangan Muslimah berkerjaya. Setelah diteliti, faktor yang dikemukakan dalam kajian ini boleh diamati dapat memberi kesan kepada pemilihan fesyen yang menyumbang kepada konsep menutup 'aurat dalam Islam.

Secara keseluruhannya, faktor fesyen yang dibincangkan tidak hanya terkandung dalam dapatan kajian ini kerana adanya sosio-budaya yang turut memainkan peranan. Ini menandakan bahawa terdapat banyak ruang kajian yang boleh dijalankan tentang faktor fesyen di kalangan wanita bagi mendapatkan dapatan yang lebih bervariasi mengikut konteks tempat dan waktu yang berbeza.

### Rujukan

- Alias, A., & Nawawi, N. M. (2006). *Pakaian melayu sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aris, A., Ibrahim, S., & Ahmad, H. (2018). The identity of "Islamic Fashion". *International Journal of INTI* (22) Special Issue: 8-14.
- Asy-Syayi', K. N. (1991). *An-nisa wa al-mudhah wa al-azaya*. Riyadh: www.ktibat.com.
- Carnavale, A.P., Gainer, L.J., & Meltzer, A. S. (1988). Workplace basics: The skills employers want. *Training & Developing Journal* (42): 22-26.
- Cheung, B. C., & Tsui, E. (2017). Workplace context and its effects on individual competencies and performance in work teams. *International Journal of Business Performance Management* (18)1: 49-81.
- Colbert, C. (2015). The impact of work attire on employee behaviour. PhD dissertation, Argosy University.
- Copp, D. (1992). The concept of a society. *Dialogue* (31) 2: 183-212.
- Cox, E., Sabiston, C. M., Karlinsky, A., Manzone, J., & Neyedli, H. F. 2020. The impact of athletic clothing style and body awareness on motor. *Psychonomic Bulletin & Review* (27):1025-1035.
- Earthy, S., & Cronin, A. (2008). *Narrative analysis. Researching social life*. eds. N. Gilbert, t.h. London: Sage.
- Giddens, A. (1984). *The constitution of society. Outline of the theory of structuration*. Los Angeles: University of California.
- Gazzalo, P., Pavione, E., Pezzetti, R., & Grechi, D. (2020). Trends in the fashion industry. The perception of sustainability and circular economy: A gender/generation quantitative approach. *Sustainability* (12)7: 1-29.
- Hass, B. S., & Lutek, H. (2019). Fashion and faith; Islamic dress and identity in The Netherlands. *Religions* (10)6: 1-26.
- Hin, L. C. (2007). *Penyelidikan pendidikan pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Selangor, Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Horn, M. J., & Gurel, L. M. (1981). *The second skin*. USA: Houghton Mifflin Company.
- Htet, Atar Thaug. (2022). Factors Influencing Community Participation of Youth Affairs Committee Members in Mon State. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal* (22)1:49-60
- Juned, A. A. (2017). *Raja melakar sejarah*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
- Kamus Dewan, (2016). Edisi keempat. eds. Noresah Baharom. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kothari, C. (2004). *Research methodology, methods and techniques* (Second revised edition). New Delhi: New Age International (P) Ltd., Publishers.
- Kusumawati, A., Listyorini, S., Suharyono, & Yulianto, E. (2020). The role of religiosity on fashion store patronage intention of muslim consumers in Indonesia. *SAGE Open*: 1-15.
- Latif, H. M., & Hassan, H. Z. t.t. Didapatkan dari <http://www.history-centre.gov.bn>. (accessed 8 February 2022)
- Mendes, L., Broega, A. C., & Sant'Anna, P. (2016). About fashion trends researches: theoretical and chronological aspect. Universidade do Minho.
- Mohammad, S. M. (2018). Hijab di Brunei Darussalam: Satu kajian konteks dan amalan. *Rampak Serantau* (25): 108-124.
- Mohiddin, M. N., & Serbini, S. (2019). Fesyen halal style dalam kalangan pelajar UNISSA. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (4)19: 139-154.
- Idris, N. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Othman, R., Muhamad, S. N., Yusof, F. M., & Harun, M. A. (2016). Fesyen wanita menurut perspektif Islam dan kesannya terhadap kesejahteraan fizikal dan spiritual. *Sains Humanika* 8(3): 65-71.
- Oxford English Dictionary*, (2006). Peny. Hawker, S. New York: Oxford University Press.
- Rahmawati, A. (2016). Faith, fashion and feminity visual and audience analysis of Indonesian Muslim Didapatkan dari <https://orca.cardiff.ac.uk> (accessed 4 March 2021)
- Report of the labour force survey. (2020). Didapatkan dari <https://deps.mofe.gov.bn/DEPD> (accessed 4 February 2022)
- Roach-Higgins, M. E., & Eicher, J. B. (1992). Dress and identity. *Clothing and Textiles Research Journal* (10): 1-8.
- Rosenthal, G. (2004). *Biographical research*. London: Sage.
- Sarpong, G. Howard, E. & Ntiri, K.O. (2011). Globalization of the fashion industry and its effects on Ghanaian independent fashion designers. *Journal of Science and Tehnology* (31)3: 97-106.
- Talib, N. (2002). A resilient monarchy: The sultanate of Brunei and regime legitimacy . *New Zealand Journal of Asian Studies* 4(2): 134-147.
- Tamit, H. S., & Shahif, H. M. (2016). Islam di zaman Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin ke Arah Pemantapannya. Dalam H. S. Tamit, *Suara Wanita Brunei*: 141-187. Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei Negara Brunei Darussalam.
- Watson, T. W. (1997). Guidelines for conducting interviews. Didapatkan dari <https://web.ics.purdue.edu> (accessed 7 February 2022)
- Yunos, R. (2020). 16th Century Brunei Darussalam from European perspective. *Kesultanan Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Persatuan Sejarah Brunei.
- Zakaria, M. H., Aris, A., Nawawi, N. M., & Zainuddin, N. (2020). The evolution of men's fashion trend on Malay festival costume "Baju Raya" in Malaysia (1930-2017). *4th International Conference on Science & Social Research The Pines*:249-259. Melaka: e-International Publishing House, Ltd., UK.